

TAFLOTAN-S OPHTHALMIC SOLUTION 0.0015% (single-dose container)

Tafluprost (0.0015%)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Taflotan-S
2. Bagaimana Taflotan-S berfungsi
3. Sebelum menggunakan Taflotan-S
4. Cara menggunakan Taflotan-S
5. Semasa menggunakan Taflotan-S
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Taflotan-S
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Taflotan-S

Ia biasanya digunakan untuk merawat glaukoma atau hipertensi ocular (pembentukan cecair di dalam mata).

Bagaimana Taflotan-S berfungsi

Ubat ini menggalakkan aliran keluar bendalir mata (gelembair) untuk merendahkan tekanan dalam mata

Sebelum menggunakan Taflotan-S

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda pernah mengalami apa-apa reaksi alahan (gatal-gatal, ruam dan lain-lain) untuk ubat-ubatan.
- Jika anda mempunyai sejarah hipersensitiviti dengan mana-mana bahan produk ini.

- Sebelum menggunakan Taflotan-S

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda,

- Jika anda adalah pesakit dengan mata *aphakic/ pseudophakic* (ketiadaan kanta mata akibat pembedahan), penyakit lelah/ sejarah bronchial asma, atau keradangan bendalir mata (iritis, uveitis).
- Jika anda hamil atau menyusukan anak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda,

- Jika anda mengambil apa-apa produk perubatan yang lain. (Sesetengah ubat boleh berinteraksi untuk meningkatkan atau mengurangkan kesan-kesan ubat. Berhati-hati dengan ubat-ubatan *over the counter* dan suplemen pemakanan serta ubat preskripsi lain.)

Cara menggunakan Taflotan-S

Sebelum menggunakan, basuh tangan anda dengan sabun dan air. Seterusnya, pusing dan keluarkan hujung penitis dan membuang 1 hingga 2 titisan. Tarik kelopak mata bawah anda supaya hujung penitis tidak menyentuh mata atau bulu mata. Selepas menggunakan, tutup mata untuk 1 hingga 5 minit dan menekan sudut dalam mata dengan ringan. Lapkan apa-apa cecair yang berlebihan dari kulit dengan kain kasa basah atau tisu dengan serta-merta, atau mencuci muka anda dengan mata tertutup. Selepas menggunakan, pastikan membuang penitis. Setelah penutup dibuka, baki ubat tidak boleh disimpan untuk penggunaan masa lain. Jika anda perlu menggunakan ubat titis mata yang lain pada masa yang sama, tunggu lebih daripada 5 minit.

- Berapa banyak harus digunakan

Secara umumnya, guna 1 titik pada satu masa, sekali sehari. Guna seperti yang diarahkan. Jangan gunakan lebih daripada sekali sehari kerana penggunaan yang lebih kerap boleh mengurangkan kesan untuk merendahkan tekanan intraocular (mengurangkan tekanan untuk membentuk cecair dalam mata).

- Bila perlu digunakan

Sekali sehari.

- Berapa lama perlu digunakan

Jangan berhenti mengambil ubat tanpa arahan doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda dapati pada hari yang sama, pakai 1 titik secepat mungkin. Jika anda mendapatinya pada hari berikut, abaikan dos yang tertinggal dan teruskan penggunaan seperti jadual biasa. Jangan guna dua kali sehari atau 2 titik pada satu masa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda pakai ubat ini dengan lebih daripada yang diarahkan, rujuk kepada doktor/ ahli farmasi anda.

Semasa menggunakan Taflotan-S

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor anda.
- Rujuk kepada doktor anda jika anda mempunyai sebarang

pertanyaan mengenai ubat.

- Beritahu doktor anda jika anda notis atau bimbang dengan apa-apa kesan sampingan yang disenaraikan atau melihat apa-apa kesan lain yang tidak disenaraikan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda. Ia mungkin tidak selamat untuk orang lain menggunakan Taflotan-S.

Jangan berhenti menggunakan Taflotan-S anda atau menukar dos tanpa memeriksa dengan doktor.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Anda mungkin akan kabur penglihatan sementara selepas mengambil dos. Jangan memandu atau mengendalikan jentera sehingga penglihatan anda pulih.

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan yang biasa dilaporkan seperti di bawah. Jika mana-mana daripada kesan sampingan itu berlaku, periksa dengan doktor/ ahli farmasi anda: mata merah, perubahan dalam bulu mata (pertambahan kepanjangan, ketebalan dan bilangan sebatan), mata gatal/ rasa pedih, sakit mata, pigmentasi kelopak mata, gangguan epithelium kornea, *hypertrichosis* (pertumbuhan rambut yang berlebih-lebihan) di kelopak mata dan lain-lain.

Tanda-tanda yang dinyatakan di bawah jarang dikesan sebagai kesan buruk. Jika mana-mana gejala-gejala ini berlaku, berhenti mengambil ubat ini dan berjumpa dengan doktor anda dengan segera.

- Perubahan dalam warna iris (pigmentasi iris)

Tanda-tanda di atas tidak menggambarkan semua tindak balas buruk kepada ubat ini. Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati mana-mana tanda –tanda daripada yang disenaraikan di atas.

TAFLOTAN-S OPHTHALMIC SOLUTION 0.0015% (single-dose container)

Tafluprost (0.0015%)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web npra.moh.gov.my (*Consumers → Reporting → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Pemegang Pendaftaran Produk

Santen Pharma Malaysia Sdn. Bhd.
Unit #23A-10, Q Sentral,
No. 2A, Jalan Stesen Sentral 2,
Kuala Lumpur Sentral,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

22/06/2026

Cara penyimpanan dan pelupusan

Taflotan-S

- Penyimpanan

Jauhkan dari kanak-kanak.

Simpan di dalam peti sejuk (2-8°C) dan lindungi daripada cahaya.

Selepas bungkusan aluminium dibuka, simpan pada suhu bilik (kurang daripada 25°C) dalam tempoh satu bulan.

Gunakan product dalam bungkusan aluminium yang telah dibuka dahulu.

- Pelupusan

Buangkan bakinya. Jangan simpan baki.

Tanya ahli farmasi bagaimana untuk membuangnya.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Ubat titis mata yang mengandungi cecair jelas, tidak berwarna dan steril.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap mL mengandungi 15µg

tafluprost.

Setiap bekas (0.3mL) mengandungi

4.5µg tafluprost.

- Bahan tidak aktif

Polysorbate 80, concentrated glycerin, disodium edetate hydrate, sodium dihydrogen, phosphate dehydrate, sodium hydroxide, hydrochloric acid and purified water.

- Nombor MAL

MAL17085062ARZ

Pengilang

Santen Pharmaceutical Co., Ltd.

Noto plant: 2-14, Shikunami,

Hodatsushimizu-cho,

Hakui-gun, Ishikawa, Japan.